

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَبْيَاءِ  
وَالْمَرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَبَعْدٌ ؟

## HAKIKAT KEMATIAN DAN MATI OTAK MENGIKUT KACAMATA ISLAM

### 1.0 PENDAHULUAN

Setiap makhluk akan merasai kematian.Untuk menetapkan waktu dan memutuskan seseorang akan mati adalah di luar kuasa manusia.Oleh itu,amat sukar sekali bagi manusia untuk menghukum seseorang itu telah mati ataupun tidak.

Para Ulamak telah mengkaji dan menetapkan beberapa tanda-tanda kematian untuk dilaksanakan hukum-hukum dan hak yang wajib kepada si mati dan kerabatnya disebabkan tidak ada nas yang jelas menerangkan tentang tanda-tanda kematian.Ilmu kedoktoran juga tidak terkecuali dalam mengkaji perkara ini.Namun,sehingga kini ketetapan yang sebenar tentang tanda-tanda sebenar kematian menjadi perselisihan pandangan dikalangan Fuqaha dan pakar perubatan dengan terciptanya alat-alat moden yang mampu mengesan tanda-tanda kematian ke atas manusia.

### 2.0 PEMAHAMAN TENTANG HIDUP DAN MATI

Hidup(*al-hayat*)dari sudut bahasa membawa maksud: lawan bagi mati<sup>1</sup>.Dalam pengistilahan bahasa arab dinyatakan bahawa setiap yang mempunyai roh adalah disifatkan sebagai hidup<sup>2</sup>.

---

<sup>1</sup> Lisan al Arab

<sup>2</sup> Silsilah matbu'ah al muanazzamah al Islamiah lil ulum at Tibbiah,Kuwait

Mengikut pandangan Syarak, setiap sesuatu yang mempunyai roh adalah hidup. Sebagaimana firman Allah swt:

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأُفْنَادَةَ قَلِيلًا مَا شَكُرُونَ

Yang bermaksud: Kemudian Dia yang menyempurnakan dan meniupkan kedalam (tubuh)nya roh(ciptaan)Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati,(akan tetapi)sedikit sekali dikalangan kamu yang bersyukur.<sup>3</sup>

Sementara kematian(*al-maut*) dari segi bahasa adalah lawan bagi hidup. Asal mati dalam penggunaan bahasa arab ialah *as-sukun*(tidak bergerak), maka setiap yang tidak bergerak adalah mati.<sup>4</sup> Dalam *Kamus Muhith* dinyatakan bahawa mati adalah sesuatu yang tidak mempunyai roh. Adapun mati pada pandangan Syarak bermaksud perpisahan roh dari jasad. Mengikut ahli sunnah wal jamaah mati adalah lawan bagi hidup dan ia adalah sesuatu yang pasti dan wujud sebagaimana firman Allah swt:

الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَلْوَكُمْ أَيْكُمْ أَحْسَنُ عَمَالًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ

Yang bermaksud: Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha perkasa lagi Maha Pengampun.<sup>5</sup>

Oleh kerana itu, penafsiran mati terhadap sesuatu yang tidak hidup adalah penafsiran yang sewajarnya, ini kerana apabila adanya

---

<sup>3</sup> Surah as Sajdah ayat 9

<sup>4</sup> Lisan al Arab

<sup>5</sup> Surah Al-Mulk ayat 2

hidup maka tidak dikatakan sesuatu tersebut mati,oleh itu apabila terjadinya mati sudah tentu akan hilang kehidupan.<sup>6</sup>

Dari sudut lain,Allah swt membuat persamaan antara mati dengan tidur,disebabkan pada waktu tidur berlakunya perpisahan roh yang sementara lalu jasad menjadi tidak bergerak.Firman Allah swt:

وَهُوَ الَّذِي يَتَوَفَّ أَكُمْ بِاللَّيْلِ وَيَعْلَمُ مَا جَرَحْتُمْ بِالنَّهَارِ ثُمَّ يَعْشُّكُمْ فِيهِ لِيُقْضَى أَجَلُ  
مُسْمَىٰ ثُمَّ إِلَيْهِ مَرْجِعُكُمْ ثُمَّ يَنْبِئُكُمْ بِمَا كُتِبْتُمْ تَعْمَلُونَ

Yang bermaksud: Dan Dialah yang menidurkan kamu di malam hari dan Dia mengetahui apa yang kamu kerjakan pada siang hari, kemudian Dia membangunkan kamu pada siang hari untuk disempurnakan (umur kamu) yang telah ditentukan kemudian kepada Allahlah kamu kembali, lalu Dia memberitahukan kepadamu apa yang dahulu kamu kerjakan.<sup>7</sup>

### 3.0 TANDA UMUM KEMATIAN

Terdapat didalam Al-Quran nas yang menyatakan tentang tanda kematian,namun nas tersebut hanya menyebut secara umum dan ada persamaan dengan tanda hidup.Oleh yang demikian,Ulamak menjadikannya sebagai tanda umum bagi kematian yang kemungkinan tanda ini juga terdapat pada setiap yang hidup.

Antara tanda-tanda yang dinyatakan oleh Al-Quran ialah **tidak bergerak** sebagaimana firman Allah swt:

---

<sup>6</sup> Kasyful Asrar,jilid 3,halaman 313

<sup>7</sup> Surah Al-An'am ayat 60

إِنْ كَانُوا إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ خَامِدُونَ

Yang bermaksud: Tidak ada siksaan atas mereka melainkan satu teriakan suara saja; maka tiba-tiba mereka semuanya mati.<sup>8</sup>

perkataan (*khamidun*) sebagaimana dalam *kamus muhit* membawa erti *as-sukun* iaitu tidak bergerak.Tanda yang kedua ialah **tidak bercakap** sebagaimana dalam ayat:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِّنْ قَرْنَى هَلْ نُحِسْنُ مِنْهُمْ مِّنْ أَحَدٍ أَوْ سَمِعْ لَهُمْ رِكْزَا

Yang bermaksud: Dan berapa banyak telah Kami binasakan umat-umat sebelum mereka. Adakah kamu melihat seorang pun dari mereka atau kamu dengar suara mereka yang samar-samar?<sup>9</sup>

perkataan (*rikzan*)yang disebutkan dalam ayat membawa erti (*sauthan*) iaitu suara.Bunyi suara sudah lagi tidak kedengaran setelah Allah swt membinasakan mereka.

Dari perbincangan yang telah diutarakan,kita dapat bahawa para Fuqaha tidak membahas tentang takrif hidup dan mati dengan perbahasan yang terperinci namun keputusan yang disepakati bersama ialah hidup adalah lawan bagi mati dan mati adalah lawan bagi hidup.Perbezaan yang nyata antara keduanya ialah adanya roh bagi sesuatu yang hidup dan berpisah roh dari jasad yang mati.Oleh yang demikian,para fuqaha juga mengkaji tentang roh disebabkan roh adalah unsur penting untuk menetapkan kematian.

---

<sup>8</sup> Surah Yaasin ayat 29

<sup>9</sup> Surah Maryam ayat 98

#### 4.0 PEMAHAMAN TENTANG ROH

Roh (*ar-ruh*) dari sudut bahasa membawa erti (*an-nafku*) tiupan. Dinamakan *an-nafku* sebagai roh kerana *nafku* adalah angin yang keluar dari roh.<sup>10</sup> Berkata Al-Farra: aku mendengar Abu Al-Haitham berkata: roh adalah nafas dan ia berada diseluruh badan manusia apabila keluar roh maka manusia tidak mampu lagi bernafas. Sementara Ibnu Qayyim menyatakan dinamakan roh oleh kerana dengannya tubuh badan dapat hidup.<sup>11</sup>

Menurut perbahasan syarak, perkataan roh mempunyai makna yang pelbagai dan tidak terhad hanya kepada roh manusia sahaja. Dalam Al-Quran terdapat 20 tempat yang menyebutkan tentang roh dan membawa makna yang berlainan. Antaranya makana **Jibril** sebagaimana dalam ayat :  
تَعْرُجُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ إِلَيْهِ فِي  
بَوْمٍ كَانَ مِقْدَارُهُ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ

Yang bermaksud: Malaikat-malaikat dan Jibril naik (menghadap) kepada Tuhan dalam sehari yang kadarnya lima puluh ribu tahun.<sup>12</sup>

Perkataan roh juga membawa makna **Malaikat yang perkasa** sebagaimana dalam ayat:

يَوْمٌ يَقُومُ الرُّوحُ وَالْمَلَائِكَةُ صَفًا لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنِ اذْنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا

Yang bermaksud: Pada hari, Ketika roh dan para malaikat berdiri bersaf-saf, mereka tidak berkata-kata, kecuali siapa yang telah

---

<sup>10</sup> Lisan al-Arab

<sup>11</sup> Ibnu Al-Qayyim, Ar-Ruh, cetakan dar al-kitab al-arabi

<sup>12</sup> Surah Al-Ma'arij ayat 4

diberi izin kepadanya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah; dan ia mengucapkan kata yang benar.<sup>13</sup>

Perkataan roh juga membawa erti **Al-Quran** :

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَدْرِي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِنْ جَعَلْنَاهُ نُورًا نَّهْدِي بِهِ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Yang bermaksud: Dan demikianlah kami wahyukan kepadamu wahyu (Al-Quran) dengan perintah kami. Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui apakah Al-Kitab (Al-Quran) dan tidak pula mengetahui apakah iman itu, tetapi kami menjadikan Al-Quran itu cahaya, yang kami kehendaki di antara hamba-hamba kami. Dan sesungguhnya Kami benar-benar memberi petunjuk kepada jalan yang lurus.<sup>14</sup>

kadang-kadang perkataan roh membawa maksud **Wahyu** sebagaimana dalam ayat:

يَتَرَلِ الملائكة بالرُّوحِ مِنْ أَمْرِهِ عَلَى مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ أَنْ أَنذِرُوا أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنَا فَاتَّقُونَ

Yang bermaksud: Dia menurunkan para malaikat dengan(membawa)wahyu dengan perintahNya kepada siapa yang Dia kehendaki di antara hamba-hambaNya,iaitu:peringatkanlah olehmu sekalian,bahawa tidak ada Tuhan (yang Haq)melainkan Aku,maka hendaklah kamu bertakwa kepadaKu.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Surah An-Naba ayat 38

<sup>14</sup> Surah Asy-Syura ayat 52

<sup>15</sup> Surah An-Nahl ayat 2

Begitu juga perkataan roh membawa erti **roh manusia** sebagaimana ayat:

ثُمَّ سَوَّاهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِنْ رُوحِهِ وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ  
وَالْأَفْنَادَةَ قَلِيلًاً مَا تَشْكُرُونَ

Yang bermaksud: Kemudian Dia menyempurnakan dan meniupkan ke dalam (tubuh) nya roh (ciptaan)Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati; (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.<sup>16</sup>

dan dalam ayat:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ

Yang bermaksud: Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersjud.<sup>17</sup>

Terdapat hadis Nabi s.a.w yang menerangkan tentang roh manusia sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w dalam satu hadis:

ان أحدكم يجمع خلقه في بطن أمه أربعين يوما ثم يكون في ذلك علقة مثل ذلك ثم يكون في ذلك مضعة مثل ذلك ثم يرسل الملك فينفخ فيه الروح ويؤمر بأربع كلمات بكتاب رزقه وأحله وعمله وشقى او سعيد

Yang bermaksud: Sesungguhnya seseorang kamu itu dijadikan kejadiannya dalam perut ibunya selama empat puluh hari,kemudian kejadian itu bertukar menjadi tulang dan kemudian tulang tadi diselaputi oleh daging kemudian diantar malaikat lalu meniup

---

<sup>16</sup> Surah As-Sajdah ayat 9

<sup>17</sup> Surah Al-Hijr ayat 29

(malaikat)akan roh dan ditulis empat perkara : rezekinya,amalannya,kecelakaannya atau kebahagiaannya.<sup>18</sup>

Para Ulamak berselisih pendapat dalam membincangkan tentang roh.Ada dikalangan mereka yang melarang dari mengkaji tentang perihal roh oleh kerana ia adalah sesuatu yang rahsia dari rahsia-rahsia Ilahi sementara satu golongan lagi membenarkan untuk mengkaji tentang perihal roh.Hal ini terjadi disebabkan mereka berselisih pendapat dalam menentukan maksud sebenar pada ayat:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِّ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوتِيسْمٌ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَبِيلًاً

Yang bermaksud:Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh.Katakanlah: "Roh itu termasuk urusan Tuhan-Ku, dan tidaklah kamu diberi pengetahuan melainkan sedikit".<sup>19</sup>

Berkata Junaid:Roh adalah urusan Allah swt yang tidak mampu di kaji oleh seluruh makhlukNya.Oleh kerana itu,tidak sepatutnya hal ini dikaji melainkan percaya tentang kewujudannya.Pendapat ini sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Abbas dan para Ulamak salaf.<sup>20</sup>Imam As-Sya'rani menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w sendiri tidak pernah membahas tentang hakikat roh sekalipun Baginda s.a.w pernah ditanya,maka wajar bagi umatnya untuk mengikuti tauladan ini sebagai menjaga adab terhadap Baginda s.a.w.Imam Qurtubi dalam menafsirkan ayat:

---

<sup>18</sup> Hadis riwayat Muslim,Kitab Al-Qadr,bil 4781

<sup>19</sup> Surah Al-Isra' ayat 85

<sup>20</sup> Az-Zubaidi,Ithaf as-sadatil al-Muttaqin

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّيِّ وَمَا أُوْتِيْتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا  
menyatakan bahwa Allah swt bersendirian dalam menetapkan urusan roh dan tidak dapat diketahui oleh seluruh makhlukNya.<sup>21</sup>

Namun sebilangan dari para Ulamak menyatakan bahwa maksud sebenar perkataan roh yang disebut dalam ayat tersebut ialah **malaikat jibril** dan ada yang mengatakan **Malaikat yang perkasa** selain dari Jibril a.s.Pendapat ini adalah sebagaimana yang di riwayatkan dari Imam Ali ibn Abi Talib dan ditarjihkan oleh Ibnu Qayyim.

#### 5.0 BEZA ANTARA *AR-RUH DAN AN-NAFS*

Dalam perkara ini,Ulamak juga berselisih pendapat dalam menetapkan adakah roh membawa maksud *an-nafs* atau sebaliknya,ini disebabkan perkataan *an-nafs* dari segi bahasa membawa erti roh.<sup>22</sup>Ibnu Kathir menyatakan bahawa roh adalah asal bagi nafs dan zatnya,nafs terhasil dari roh dan berkait rapat dengan tubuh badan.Oleh itu,dari satu sudut roh adalah nafs.<sup>23</sup>

Hasil daripada perselihan pandangan para ulamak tersebut dapat disimpulkan bahawa terdapat pandangan yang menyatakan bahawa roh dan nafs adalah dua perkara yang berbeza.Sementara satu pandangan lagi menyatakan bahawa roh adalah nafs.Pandangan yang kedua ini(roh adalah nafs)merupakan pandangan yang disepakati oleh jumhur Ulamak.Sebagaimana firman Allah swt:

---

<sup>21</sup> Al-Qurtubi,Al-jamie li Ahkam al-Quran,jilid 9

<sup>22</sup> Taj al-Arus,tartib al-Qamus

<sup>23</sup> Mukhtasar Ibnu Kathir

يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَةُ ارْجِعِي إِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً

Yang bermaksud: Hai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi di redhainya.<sup>24</sup>

dan Sabda Rasulullah s.a.w :

ان نفس المؤمن تخرج رشحا

Yang bermaksud:Sesungguhnya roh orang mukmin keluar di iringi peluh yang dingin(dengan mudah).<sup>25</sup>

## 6.0 HAKIKAT KEMATIAN

Kematian dalam aqidah umat Islam ialah perpisahan antara roh dan jasad,jasad akan hancur sementara roh akan kekal untuk hidup di alam *barzakh* sama ada hidup dalam penuh keni'matan atau kesiksaan mengikut amalan yang dikerjakan oleh anggota jasad semasa hidup di dunia.Kemudian pada hari akhirat kelak Allah akan menyatukan semula antara jasad yang telah hancur dengan roh sebagaimana firman Allah swt: *وَإِذَا النُّفُوسُ زُوَّجْتُ*

Yang bermaksud: dan apabila roh-roh dipertemukan (dengan tubuh).<sup>26</sup>

Sebelum dari berlaku perpisahan antara roh dan jasad,(*muhtadhar*) iaitu orang yang didatangi kematian akan merasai pelbagai macam kesulitan dalam keadaan yang begitu tenat

<sup>24</sup> Surah Al-Fajri ayat 27 dan 28

<sup>25</sup> Hadis riwayat At-Tirmizi,kitab al-jana'iz

<sup>26</sup> Surah At-Takwir ayat 7

yang diistilahkan sebagai *sakarat al-maut*. Semasa mengalami sakratul maut, adakah seseorang itu boleh di anggap mati? hal ini memerlukan kepada penelitian semula terhadap perbincangan tentang takrif mati sebelum dari memulakan perbincangan tentang kematian pangkal otak yang mempunyai hubungkait rapat dengan tajuk ini.

Daripada pentakrifan mati yang membawa maksud keluarnya roh dari jasad, boleh dibuat kesimpulan bahawa *Muhtadhar* masih lagi belum mati, sehingga berlaku perpisahan yang jelas antara roh dan jasad. Oleh itu *Muhtadhar* mesti diberi layanan sebagaimana orang hidup.

#### 7.0 TANDA-TANDA KEMATIAN

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa Allah swt tidak menyatakan secara jelas tentang tanda-tanda kematian. Al-Quran hanya menyatakan tanda-tanda yang bersifat umum iaitu terhenti pergerakan dan percakapan bagi orang yang mengalami kematian. Adapun tanda yang disebut didalam hadis iaitu *syukhus al-basor* (terbuka mata) adalah salah satu tanda yang disebut oleh Rasulullah s.a.w apabila dicabut roh. Sebagaimana hadis Ummu Salamah menceritakan, Rasulullah s.a.w menziarahi Abu Salamah ketika kematiannya dan didapati matanya terbuka lalu Rasulullah s.a.w memejamkannya dan bersabda:

ان الروح اذا قبض تبعه البصر

Yang bermaksud: Sesungguhnya roh apabila dicabut akan diiringi dengan penglihatan mata terhadapnya (menyebabkan mata terbuka)<sup>27</sup>

---

<sup>27</sup> Hadis riwayat Muslim, kitab al-jana'iz

Para Fuqaha telah membincangkan beberapa tanda-tanda lain apabila seseorang di datangi kematian untuk memudahkan dalam membuat ketetapan hukum-hukum lain yang bersangkutan dengan si mati dan warisnya seumpama harta pusaka,hutang dan pengurusan jenazah ke atasnya.Di antara tanda-tanda yang disebut oleh Fuqaha ialah:kedua tapak kakinya melurus,hidungnya mula condong kebawah,mula mengecut kedua pelipis antara telinga dan matanya dan menjadi terik kulit kedua testisnya. Imam Az-Zaila'ie dalam karangannya *Tibyan al-Haqa'ik* dan Imam An-Nawawi dalam *Al-Majmuk* menyebut beberapa tanda lain yang telah disebut oleh Imam As-Syafie iaitu kedua pergelangan tangan si mati mula terpisah dan kulit mukanya menjadi terik.Berkata Al-Kharsyi:apabila seseorang di datangi kematian,maka akan jelas nampak beberapa tanda iaitu si mati sudah mula tidak bernafas,kedua bibir mulutnya tidak tertutup rapat,kedua tapak kakinya melurus ke bawah dan tidak tegak serta kedua matanya terbuka seolah-olah melihat sesuatu.<sup>28</sup>

Sekiranya terdapat tanda-tanda yang disebutkan di atas maka boleh dihukumkan bahawa seseorang itu telah mati dan boleh dijalankan ke atasnya segala hukum yang berkaitan dengan mayat,namun dalam beberapa situasi yang lain seumpama seseorang yang di datangi kematian dengan terkejut (*faj'ah*) atau mati disambar petir(*mash'uq*) hendaklah ditunggu beberapa ketika untuk memastikan bahawa orang tersebut telah mati.Ibnu Qudamah menyatakan bahawa bersegera dalam pengurusan jenazah adalah disunatkan apabila sudah yakin bahawa seseorang itu telah pun mati.Sekiranya berlaku persamaan dengan kematian ke atas seseorang,maka hendaklah dilihat pada tanda-tanda kematian iaitu melurus kedua tapak kakinya,kedua pergelangan tangannya terpisah,condong hidungnya kebawah,kulit mukanya menjadi terik dan kedua pelipisnya mengecut.Akan tetapi jika kematian tersebut datang dengan terkejut(*faj'ah*) seumpama di sambar petir atau mati

---

<sup>28</sup> Al-Kharsyi,Kitab al-jana'iz,halaman 122

kerana terkejut dengan peperangan atau binatang buas atau terjatuh dari bukit maka hendaklah ditunggu beberapa ketika sehingga terdapat tanda-tanda mati tersebut.<sup>29</sup>

Dalam kes ini, Imam Syafie juga ada menyebut dalam karangan beliau *Al-Um*: bersegera dalam menguruskan jenazah adalah perkara yang sunat, sekiranya seseorang itu mati dengan terkejut(faj'ah) maka tidak seharusnya untuk disegerakan jenazah tersebut kerana dikhuatiri orang tersebut masih belum mati. Dalam hal ini, mestilah ditunggu beberapa ketika sehingga jelas akan kematiannya. Begitulah juga dengan orang disambar petir, lemas, terbakar, mati kerana terlalu takut seumpama takut dengan peperangan atau binatang buas, terjatuh dari bukit atau pergi lalu mati maka tidak boleh disegerakan pengurusan jenazah sehingga terbukti akan kematiannya. Untuk itu, boleh dibiarkan selama beberapa hari sehingga jasad mula mengeluarkan bau kerana kemungkinan orang tersebut hanya pengsan atau tercekik halqumnya.<sup>30</sup>

Perlu diketahui bahawa tanda-tanda yang disebutkan di atas adalah berdasarkan kepada adat yang berlaku ke atas si mati ketika diteliti sejurus sahaja seseorang tersebut didatangi kematian. Tanda-tanda tersebut tidak dinyatakan dalam mana-mana nas kecuali tanda tidak lagi bercakap, tidak bergerak dan terbuka mata sahaja yang ada disebut dalam nas. Dalam perbincangan ini, didapati para Fuqaha tidak menyebut bahawa terhenti denyutan nadi dan jantung adalah tanda bagi kematian. Namun perkara ini ada didapati dalam perbincangan Fuqaha *mazhab Ibadhi*.<sup>31</sup> Kemudian tanda terhenti

---

<sup>29</sup> Ibnu Qudamah Al-Maqdasi, *Al-Mughni*, jilid 2, halaman 337

<sup>30</sup> An-Nawawi, *Al-Majmuk*, jilid 5, halaman 110

<sup>31</sup> Ibadhiah adalah antara kumpulan yang mu'tadil daripada Khawarij, dan mereka menafikan dari golongan ini bahkan menyatakan bahawa mereka adalah mazhab *feqah*, *sunnī*.

denyutan nadi dan jantung telah dikaji oleh pakar perubatan masa kini dan disepakati bahawa ia juga adalah salah satu dari tanda kematian dan dipersetujui oleh para Fuqaha.

## 8.0 PERINGKAT-PERINGKAT HIDUP

Sebelum dari seseorang tersebut menemui ajalnya maka terlebih dahulu didatangi sakratul maut. Sebagaimana yang telah dinyatakan, bahawa sakratul maut adalah pendahuluan kepada kematian seseorang, namun masih belum dianggap orang yang mengalaminya telah mati. Oleh yang demikian, As-Syarbini menyatakan, seandainya si pesakit mengalami sakratul maut dan telah mula tidak sedarkan diri, masih tidak boleh menganggap beliau telah didatangi kematian.<sup>32</sup> Sementara Imam Nawawi berpendapat sekiranya si pesakit yang didatangi sakratul maut dan hidupnya pada ketika itu ibarat orang yang disembelih lalu dibunuh maka pembunuh tadi wajib dikenakan qisas (disebabkan si pesakit masih belum mati dan tidak mustahil boleh sembuh).<sup>33</sup> Oleh itu, si pesakit yang di datangi sakratul maut mestilah diberi layanan seumpama manusia lain yang masih hidup disebabkan pada ketika tersebut beliau masih berada dalam *al-hayat al-mustaqrirrah* (masih lagi mengecapi kehidupan).

Mengikut para ulamak, kehidupan manusia terdapat beberapa peringkat iaitu:-

### I) *Al-Hayat al-Mustamirrah(a continuous life)*

Iaitu kehidupan manusia biasa. Para Ulamak menyatakan sekiranya manusia yang mengecapi *hayat mustaqirrah* ini diperlakukan jenayah ke atasnya atau dibunuh maka wajib dikenakan hukum *qisas*.

---

<sup>32</sup> As-Syarbini, Mughni al-Muhtaj, jilid 4, halaman 13

<sup>33</sup> An-Nawawi, Al-Minhaj

- II) *Al-Hayat al-Mustaquirrah(a stable or normal life)***  
Iaitu kehidupan orang yang telah diperlakukan jenayah ke atasnya dan kemungkinan beliau hanya dapat meneruskan kehidupan hanya beberapa hari sahaja akan tetapi beliau masih boleh bercakap,melihat dan bergerak.Sekiranya beliau dibunuh pada keadaan tersebut,maka si pembunuh wajib dikenakan *qisas*.
- III) *Al-Hayat ghair al-Mustaquirrah atau harakah al-mazbuh(death struggle)***  
Iaitu kehidupan orang yang telah diperlakukan jenayah ke atasnya dan tidak lagi mampu untuk bercakap,melihat serta bergerak.Fuqaha menyatakan bahawa tidak dikenakan hukum *qisas* bagi orang yang membunuh atau memperlakukan apa jua jenayah dalam keadaan tersebut akan tetapi hanya dikenakan *taazir* sahaja kerana seolah-olah penjenayah tersebut telah melakukan jenayah ke atas mayat dan tidak menghormati kehormatan mayat.Akan tetapi sekiranya dilakukan jenayah terhadap si pesakit (orang yang tidak diperlakukan jenayah)dan didapati hidupnya seakan-akan hidup *mazbuh*,tidak boleh bercakap,melihat dan bergerak maka dikenakan *qisas* bagi penjenayah yang melakukan jenayah keatasnya.Sebagaimana dinyatakan oleh Imam Nawawi barangsiapa yang membunuh seseorang yang sakit dalam keadaan nazak dan hidupnya seolah-olah hidup *al-mazbuh* maka diwajibkan *qisas*.<sup>34</sup>

Dalam hal ini,para ulamak mazhab Syafie menyatakan seandainya seseorang telah disembelih atau dipukul,kemudian datang penjenayah yang kedua

---

<sup>34</sup> An-Nawawi.Al-Minhaj

lalu memotong tubuhnya sehingga menjadi dua atau merobek perutnya kemudian datang penjenayah yang ketiga melakukan lagi jenayah terhadapnya maka penjenayah yang pertama wajib dikenakan balasan *qisas* sementara yang kedua dan ketiga dikenakan *taazir*. Ini kerana selepas jenayah yang pertama, orang yang diperlakukan jenayah sudah tidak lagi mengelaki *hayat mustaqirrah* dan hidup seolah-olah hidup *hayat al-mazbuh*.<sup>35</sup>

## 9.0 HUKUM MATI OTAK(BRAIN DEATH) MENGIKUT PANDANGAN SYARAK

Para Fuqaha masa kini berselisihan pendapat dalam masalah ini. Dikalangan mereka ada yang mengatakan bahawa orang yang mengalami mati otak dianggap mati, ada yang berpendapat masih belum mati akan tetapi berada dalam *hayat al-mazbuh* dan ada pendapat yang tidak menganggap mati otak sebagai tanda kematian. Untuk membincangkan perkara ini dengan lebih terperinci, perlu dihayati beberapa pandangan ulamak masa kini dan hujah-hujah yang dikemukakan. Pandangan-pandangan tersebut adalah seperti mana di bawah:-

### 9.1) PANDANGAN YANG TIDAK MENGANGGAP MATI OTAK SEBAGAI TANDA KEMATIAN

#### a) Syeikh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq(bekas syeikh Al-Azhar)

As-Syeikh menegaskan bahawa mati mengikut pandangan syarak ialah apabila berlakunya perpisahan antara roh dan

---

<sup>35</sup> Al-Muti'i'e, Takmilah al-majmuk syarah al-Muhazzab

jasad.Dengan keluarnya roh menyebabkan seluruh anggota luar dan dalam manusia terhenti.Akan tetapi mati sebahagian dari anggota tubuh tidak menjadi bukti matinya manusia.Bahkan dengan mati sebahagian dari anggota ini masih lagi manusia boleh bernafas dan terdapat denyutan pada jantungnya.

Daripada pandangan Syeikh Jad Al-Haq jelas bahawa orang yang mengalami mati otak masih berjalan denyutan pada jantungnya.Dengan ini hidup orang yang telah mengalami mati otak adalah hidup *mustaqirrah* ataupun *mustamirrah*.

Terdapat beberapa pandangan yang menolak pandangan As-Syeikh yang menyatakan bahawa unsur yang penting dalam membuat ketetapan seseorang itu masih hidup atau telah mati bukan bergantung pada denyutan jantung dan juga berlakunya pernafasan.Bahkan mengikut kajian yang dibuat oleh pakar perubatan,orang yang mengalami mati otak sudah tidak bernafas dan amat sukar untuk mengembalikannya seperti sediakala.Oleh itu,kehidupan orang yang mengalami mati otak adalah di istilahkan sebagai hidup *al-mazbuh* dan bukannya *mustaqirrah* apatah lagi *mustamirrah*.<sup>36</sup>

#### **b) Majma' al-feqh (Robithah Alam Islami)**

Dalam perbahasan tentang tajuk ini sebagaimana yang dibentang di Mekah (1408 hijrah)harus mencabut defibrillator (*ajhizah in'asy*) pada orang yang mengalami mati otak,bahkan mati otak tidak di istilahkan sebagai punca utama kematian akan tetapi mestilah dilihat pada denyutan nadi dan jantung.

#### **c) Dr Mohamed Said Ramadhan Al-Buthi**

---

<sup>36</sup> Dr Nada Mohamed Nuim,Maut Ad-Dimagh

Dalil yang muktamad untuk menetapkan kematian ialah terhentinya denyutan nadi dan jantung tidak mampu lagi untuk berfungsi. Akan tetapi mesti dilihat dari beberapa sudut seumpamanya seseorang yang mengalami kematian dengan terkejut(faj'ah), maka mesti di tunggu sehingga yakin akan kematianya. Jadi, mati otak tidaklah di anggap sebagai dalil yang pasti (*dalil al-qat'ie*) pada hukum syarak yang menandakan seseorang telah mati walaupun ia di anggap dari sudut perubatan sebagai tanda utama kematian.<sup>37</sup>

Dari pada dalil yang dikemukakan oleh Dr Al-Buthi dapat dinyatakan bahawa mati otak tidak boleh di anggap dari segi syarak sebagai mati kerana ukuran yang sebenar ialah bergantung pada terhentinya denyutan jantung dengan tidak lagi mampu berfungsi. Begitu juga ukuran yang mengatakan bahawa orang yang mengalami mati otak akan pasti mengalami kematian adalah mengikut kacamata ilmu kedoktoran dan bukannya nas syarak.

Jika dikaji tentang pendapat ulamak-ulamak terdahulu tentang tanda-tanda kematian, tidak terdapat tanda yang mengatakan bahawa terhenti denyutan nadi dan tidak berfungsi jantung sebagai tanda kematian, perkara ini hanya di dapati dalam kitab feqah mazhab ibadhiah.<sup>38</sup>

## 9.2) PANDANGAN YANG MENGATAKAN BAHAWA MATI OTAK TERMASUK HUKUM *AL-MAZBUH*

Sebagaimana tertulis dalam ketetapan *Nadwah al-Hayat al-Insaniah bidayatuha wa nihayatuha* yang telah berlangsung pada 24 Januari 1985 tentang perbincangan ini menyatakan: setelah dikaji dengan teliti oleh pakar perubatan bahawa orang yang telah

---

<sup>37</sup> Mohamed Said Ramadhan Al-Buthi, Qadhaya feqhia Muasorah

<sup>38</sup> Dr Nada Mohamed Nuim, Maut Ad-Dimagh

diyakini mengalami mati otak sudah tidak mempunyai harapan lagi untuk hidup,oleh itu boleh diuruskan beberapa perkara yang berkaitan dengan kematian,adapun pengurusan terakhir yang melibatkan mandi,kafan dan pengkebumian hendaklah ditangguhkan sehingga yakin seluruh anggota asas dalam badan mula tidak berfungsi.Keadaan ini diibaratkan seumpama orang yang mengalami *hayat mazbuh*.

### 9.3) PANDANGAN YANG MENYATAKAN MATI OTAK ADALAH SEBAB KEMATIAN

#### a) Dr Ahmad Syarafuddin

Beliau adalah diantara orang yang pertama mengkaji tajuk ini dan membuat penilaian dari sudut hukum syarak.Beliau menyatakan bahawa orang yang mengalami mati otak adalah mati di sisi syarak.<sup>39</sup> Beliau berpandangan lagi bahawa asas ketentuan hidup manusia boleh dinilai dari sudut manusia dapat merasai dan mempunyai kekuatan untuk berhubung dengan kehidupan di dunia.Sudah pasti bagi orang yang mengalami mati otak tidak lagi mempunyai kemampuan dan kekuatan untuk memandu anggota yang lain,dengan itu kehidupannya mula berakhir.

Daripada pandangan yang telah dikemukakan di atas seolah-olah Dr Ahmad menjadikan kemampuan dan kekuatan untuk berhubung dengan dunia luar adalah petanda kepada kehidupan seseorang,namun apabila dipandang dari sudut syarak,petanda bagi kematian adalah bukan dengan sebab hilangnya deria sedar dan mempunyai kemampuan akan tetapi dengan keluar roh dari jasad manusia.

#### b) Majlis majma' feqh Islami

---

<sup>39</sup> Ahmad Syarafuddin,Al-Ahkam As-Syariyyah lil A'mal at-tibbiah

Fatwa yang dikeluarkan dalam muktamar ke-3 tahun 1986 bertarikh 3 julai 1986 menyatakan bahawa mati otak adalah di anggap mati di sisi syarak. Disebut dalam fatwa akan perkara berikut:-

~Seseorang itu boleh di anggap mati dan boleh dijalankan penyelenggaraan mayat ke atasnya apabila terhenti nafas dan jantungnya dari berfungsi beserta pakar perubatan telah bersepakat bahawa sudah tidak ada harapan lagi untuk hidup.

~Seseorang itu boleh di anggap mati apabila telah mengalami kematian pada otaknya sekalipun jantungnya masih berdenyut dengan bantuan alat bantu oksigen serta pakar perubatan memutuskan bahawa sudah tidak ada harapan lagi untuk hidup.<sup>40</sup>

#### 10.0 PENUTUP

Islam telah menyatakan bahawa kematian berlaku apabila roh mula berpisah dari jasad manusia sebagaimana firman Allah swt:

اللَّهُ يَنْتَفِي الْأَنْفُسَ حِينَ مَوْتُهَا وَالَّتِي لَمْ تَمُتْ فِي مَنَامِهَا كَيْمِسِكُ الَّتِي قَضَى عَلَيْهَا  
الْمَوْتَ وَبُرْسِلُ الْأُخْرَى إِلَى أَحَلٍ مُسَمَّى إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْكَرُونَ

Yang bermaksud: Allah memegang jiwa (orang) ketika matinya dan (memegang) jiwa (orang) yang belum mati di waktu tidurnya; maka Dia tahan jiwa (orang) yang telah Dia tetapkan kematianya dan Dia melepaskan jiwa yang lain sampai waktu yang

---

<sup>40</sup> Majlis Majma' Fiqh Islami yang berlangsung di Amman tahun 1986 sebagaimana terkandung dalam Majalah Buhuth al-Islami bilangan 33,halaman 321,keluaran rabiul awal 1991

ditentukan.Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang berfikir.<sup>41</sup>

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا أَوْ قَالَ أُوحِيَ إِلَيَّ وَلَمْ يُوحِ إِلَيْهِ شَيْءٌ وَمَنْ قَالَ سَأَثْرَلُ مِثْلَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَوْ تَرَى إِذِ الظَّالِمُونَ فِي عَمَرَاتِ الْمَوْتِ وَالْمَلَائِكَةُ بَاسْطُو أَيْدِيهِمْ أَعْرِجُوا أَنفُسَكُمُ الْيَوْمَ ثُجُرَوْنَ عَذَابَ الْهُنُونِ بِمَا كُنْتُمْ تَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ غَيْرُ الْحَقِّ وَكُنْتُمْ عَنْ آيَاتِهِ تَسْتَكْبِرُونَ

Yang bermaksud:Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang yang membuat kedustaan terhadap Allah atau yang berkata: "Telah diwahyukan kepada saya", padahal tidak ada diwahyukan sesuatupun kepadanya dan orang yang berkata: "Saya akan menurunkan seperti apa yang diturunkan Allah". Alangkah dahsyatnya sekiranya kamu melihat di waktu orang-orang yang zalim (berada) dalam tekanan-tekanan sakratul maut, sedang para malaikat memukul dengan tangannya, (ambil berkata): "Di hari ini kamu dibalas dengan siksaan yang sangat menghinakan, kerana kamu selalu mengatakan terhadap Allah (perkataan) yang tidak benar dan (kerana) kamu selalu menyombongkan diri terhadap ayat-ayatNya.<sup>42</sup>

Para ulamak kini mengkaji adakah mati otak juga boleh di samakan dengan keadaan roh keluar meninggalkan jasad. Manusia hanya mengentahui tanda-tanda luar(*zahir*) berlakunya kematian.Namun,dengan adanya alat-alat moden yang di cipta khas untuk merawat pesakit pada hari ini membolehkan manusia mampu untuk mengesan tanda-tanda kematian seseorang walaupun tanda-tanda yang disebutkan masih belum jelas.Dari segi adat,apabila

---

<sup>41</sup> Surah Az-Zumar ayat 42

<sup>42</sup> Surah Al-An'am ayat 93

jantung seseorang itu sudah tidak berdenyut dan tidak lagi bernafas,maka beliau di anggap telah mati.Namun petanda ini tidak boleh dijadikan dalil pemutus berdasarkan sebab yang telah dikemukakan sebelum ini.Akan tetapi sekiranya seseorang mengalami mati otak maka ia merupakan petanda utama orang tersebut akan menemui ajalnya,ini berdasarkan kata sepakat yang dikeluarkan oleh pakar-pakar dalam bidang perubatan bahawa ia adalah *the end of life (nuqtah al-La audah)* yang akan menamatkan denyutan jantung dari berfungsi selepas itu.

Di sediakan oleh:  
Mohd Asri Mat Daud  
Pengerusi Fellow MANHAL  
(Center for Organizing Observations and Research Product)

Bibliografi:

- 1.Al-Quran Al-Karim dan terjemahan
- 2.Munazzamah Al-Arabiah,*Kamus Al-Mu'jam Al-Arabi Al-Asasi*
- 3.Dr Rohi Baalbaki,*Kamus Al-Maurid*,cetakan Dar Ilmi lil Malayin,1998.
- 4.Yang Kassim,*English-Malay Dictionary*,cetakan Academe Art&Printing Services Sdn.Bhd.1996.
- 5.Khatib As-Syarbini,*Mughni Al-Muhtaj*
- 6.Nada Mohamed Nuim Ad-Daqr,*Maut Ad-Dimagh*,cetakan Dar Al-Fikr,Beirut,1999.

- 7.Dr Mohamed Rawas Qal'ah Ji,***Mu'jam Lughah Al-Fuqaha***,cetakan Dar An-Nafais,1994.
- 8.Julia swannell,***Little Oxford Dictionary***,The Chaucer Press Ltd.1986.
- 9.Dr Abdel Aziz Khalifa Al-Qassar,***Hukmu tasyrih Al-Insan***,cetakan Dar Ibn Hazm,1999.
- 10.Dr Mohamed Said Ramadhan Al-Buthi,***Qadhaya feqhiah Muasorah***,Maktabah Al-Farabi,1992.
- 11.Ibnu Qayyim Al-Jauziah.***Ar-Ruh***,cetakan Dar Fikr,1995.
- 12.Ibnu Kathir,***Tafsir Al-Quran Al-Adzim***,cetakan Dar Fikr,1996.
- 13.Al-Qurtubi,***Al-Jamie li Ahkam Al-Quran***,Dar Al-Kitab Al-Arabi,1967.
- 14.Dr Husain Audah,***Al-Qabr azabuh wa na'imuh***,cetakan Dar ibn Hazm 2003.
- 15.Dr Husain Abdul Hamid Nil,***Azab Al-Qabr wa sakarat al-Maut***,cetakan Maktabah Rejab 2001.